

RM105,000 atasi hakisan

HULU SELANGOR - Sebanyak RM105,000 digunakan Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Selangor (JPS) untuk kerja pengukuhan tebing akibat hakisan Sungai Serendah berdekatan Kampung Datuk Harun.


Jurutera Daerah JPS Hulu Selangor, Halim Masri berkata, pemasangan lapis lindung batu dilakukan di beberapa bahagian dan lokasi di jajaran sejauh 120 meter di situ yang didapati mengalami masalah itu.

Menurutnya, projek masih berjalan di bawah bajet 2014 selepas mengambil kira aduan dan keperluan.

"Pemasangan lapisan batu itu dapat mengurangkan hakisan sewaktu musim hujan dan melancarkan pergerakan air.

"Selain itu pembersihan sampah sekurang-kurangnya sebulan sekali turut dilakukan untuk memastikan tiada halangan sewaktu hujan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Ketua Kampung Datuk Harun, Loh Keow berkata, pembaikan tebing itu dapat mengurangkan kerisauan penduduk selepas berlakunya



Kerja pengukuhan tebing akibat hakisan Sungai Serendah berdekatan kampung Datuk Harun dilakukan.

runtuhan tebing kira-kira dua minggu lalu.

"Penduduk khuatir kerana jarak antara rumah dengan sungai adalah kurang sepuluh meter dan boleh membahayakan keselamatan mereka yang

tinggal berhampiran dengan kawasan itu.

"Kami ucap terima kasih kepada JPS yang menjalankan kerja pembaikan segera kira-kira seminggu lalu selepas aduan dibuat," katanya.